

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 APRIL 2016

Dr. Mahathir semakin terdesak tagih simpati

um- 27/4/2016

Oleh **HUSSAINI AMRAN**
hussaini.amrani@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kini dalam keadaan terdesak apabila beliau tidak lagi mendapat sokongan daripada UMNO.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad berkata, Dr. Mahathir terpaksa meninggalkan UMNO dan menagih simpati pakatan pembangkang melalui Penasihat DAP, Lim Kit Siang.

Menurut beliau, ahli-ahli UMNO menganggap tindakan Dr. Mahathir cuba menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semata-mata bagi membuka laluan untuk anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai keterlaluan.

“Begitu juga dengan pembohongan Dr. Mahathir kononnya RM42



Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) membuktikan tindakan Dr. Mahathir menggunakan isu 1MDB untuk menyerang Perdana Menteri adalah tidak berasas.”

DATUK SERI TENGKU SARIFFUDDIN TENGKU AHMAD Setiausaha Akhbar Perdana Menteri

bilion hilang daripada akaun 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

“Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) membuktikan

kan tindakan Dr. Mahathir menggunakan isu 1MDB untuk menyerang Perdana Menteri adalah tidak berasas,” katanya dalam kenyataan melalui laman Facebook rasmi Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Tengku Sariffuddin menambah, Dr. Mahathir sepatutnya membiarkan anaknya berdikari dalam politik memandangkan Mukhriz mendakwa beliau menerima sokongan 80 peratus ahli UMNO.

Beliau turut menampik Dr. Mahathir yang hanya tahu menyalahkan Perdana Menteri di atas kegagalan Mukhriz memenangi kerusi Naib Presiden UMNO tiga tahun lalu serta penyingkiran anaknya daripada jawatan Menteri Besar Kedah.

“Sekiranya benar Mukhriz mendapat sokongan 80 peratus ahli UMNO, sudah tentu beliau kini menjadi Naib Presiden UMNO atau masih bergelar Menteri Besar Ke-

dah,” jelasnya.

Tengku Sariffuddin berkata, apa yang Dr. Mahathir perlu lakukan adalah mengumumkan calon-calon bagi jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

“Bagaimanakah seorang pemimpin yang membuat segala keputusan sendiri boleh mengelak daripada menjawab persoalan penting ini?,” ujarnya.

Menurut beliau, Dr. Mahathir tidak boleh menyalahkan rakyat yang mengaitkan rancangannya menjatuhkan Perdana Menteri dengan usaha membuka laluan untuk Mukhriz selagi persoalan itu belum dijawab.

Pada masa sama, Tengku Sariffuddin menjelaskan, Najib akan terus memberi tumpuan terhadap isu-isu yang penting di negara ini khususnya memerangi ancaman keganasan serta melaksanakan rancangan ekonominya untuk rakyat.